

**LAPORAN AKTIVITI BULANAN**  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG**  
**BAGI BULAN APRIL 2023**

**1. MAJLIS PERPISAHAN TIMBALAN PENGARAH JABATAN AKAUNTAN  
NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Perpisahan bagi Timbalan Pengarah, Puan Ommi Najwa Binti Mokhtar yang telah bertukar ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah bermula 10 April 2023. Majlis diadakan bertempat di Ruang Legar Seksyen Operasi, JANM Pulau Pinang pada 06 April 2023. Majlis diadakan bagi mengenang jasa sepanjang beliau berkhidmat di JANM Pulau Pinang.



Hebahan



Ucapan dari Puan Ommi Najwa Binti Mokhtar



Warga JANMPP bergambar kenangan





Bergambar kenangan bersama Seksyen Pemantauan



Bergambar kenangan bersama Seksyen Pengurusan

## 2. LAWATAN RASMI DARI JABATAN PENJARA

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah menerima Lawatan kerja dari Pengarah Penjara Negeri, Penjara Reman dan Penjara Seberang Perai bersama-sama pegawai kewangan dari Penjara bagi membincangkan isu-isu kewangan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Perbincangan ini berlangsung di Bilik Mesyuarat, Tingkat 42 JANMPP pada 13 April 2023. Seramai 9 orang pegawai dari Jabatan Penjara telah hadir bagi sesi lawatan kerja ini.



Perbincangan di Bilik Mesyuarat.





Pegawai JANMPP bersama pegawai dari Jabatan Penjara



Bergambar Kenangan bersama Pegawai dari Jabatan Penjara

#### 4. MAJLIS BACAAN YASIN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM).

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah menyertai Majlis Bacaan Yasin JANM April 2023 secara *live streaming* bertempat di Bilik Latihan JANMPP dan di ruang kerja bermula jam 8.30 pagi yang telah dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi dengan kerjasama Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN).



KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

مجلس  
KEMENTERIAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Majlis Bacaan Yasin  
JANM  
**APRIL 2023**  
ANJURAN BPOPP & JHEAIN

14 April 2023 (23 Ramadhan 1444H)  
Jumaat- 8.30 pagi

Musolla Al-Khawarizmi  
Aras 6, JANM

SUMBANGAN IKHLAS DIALU-ALUKAN KE  
AKAUN AFFIN BANK SURAU AL-KHAWARIZMI  
**105490008407**


 **LIVE  
STREAM**  
<https://tinyurl.com/yasin-apr2023>

Hebahan





*Live streaming di bilik Latihan Tingkat 40 JANMPP*



*Live streaming di ruang kerja pegawai*

## 5. MAJLIS KHATAM AL-QURAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG (JANMPP)

Biro Kerohanian, Kelab Jabatan Akauntan Negara Malaysia Pulau Pinang (KEJAP) telah menganjurkan Majlis Khatam Al- Quran pada 14 April 2023 bersamaan 23 Ramadan 1444H bertempat di Bilik Latihan Tingkat 40, JANMPP dan secara atas talian di ruang kerja warga JANMPP bermula jam 9.30 pagi.

Majlis ini disempurnakan setelah selesai Program Tadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadan 1444H/2023. Program Tadarus di laksanakan bertujuan untuk membudayakan pembacaan al-Quran sambil memperbaiki dan memperelokkan bacaan al-Quran di kalangan warga JANMPP.



Hebahan





Warga JANMPP yang mengikuti secara atas talian



Warga JANMPP di Bilik Latihan Tingkat 40



Bunga telur bagi warga JANMPP



Majlis Khatam Al-Quran di Bilik Latihan, JANMPP